



**PROJEK PENYELIDIKAN
BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT & INSTRUMENTASI**

1. PUSAT GEDUNG DATA HIDRAULIK KEBANGSAAN (*NATIONAL HYDRAULIC DATA REPOSITORY CENTER*)

LATAR BELAKANG PROJEK

Salah satu daripada fungsi penubuhan NAHRIM adalah untuk membangun dan menguruskan gedung data hidraulik Kebangsaan (*National Hydraulic Data Repository Center*) selaras dengan Visi NAHRIM untuk menjadi sebuah Pusat Rujukan Penyelidikan Hidraulik yang unggul di Rantau Asia Pasifik.

Pewujudan *National Hydraulic Data Repository Center* akan mengdigitiskan organisasi dan aktiviti *R&D* hidraulik kebangsaan untuk mempercepatkan aktiviti *R&D* hidraulik. Pewujudan *Pusat* ini juga menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara, memperkukuhkan sistem inovasi negara, pembangunan teknologi strategik serta meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

OBJEKTIF PROJEK

- (1) Membangunkan pangkalan data untuk mengumpul maklumat daripada organisasi penyelidikan dan penyelidik bagi menjadikan satu *National Hydraulic Data Repository Center*;
- (2) Mewujudkan rangkaian antara organisasi penyelidikan dan penyelidik di Negara;
- (3) Mewujudkan pelantaran (*platform*) perkongsian maklumat/ forum/ *events*/ sumber/ kewangan;
- (4) Menyelaras aktiviti *R&D* hidraulik supaya tidak ada pertindahan kerja dan fungsi;
- (5) Mengurus ilmu berkumpul hidraulik daripada kerja-kerja *R&D*;
- (6) Memberi satu garis panduan kepada halatuju kerja *R&D* hidraulik di Negara;
- (7) *Digitize* organisasi dan aktiviti *R&D* hidraulik kebangsaan.

KOMPONEN PROJEK

- (1) Perundingan dan Rekabentuk
- (2) Pembangunan Aplikasi untuk *data repository* dan *data structure*
- (3) Pengisian Data/Maklumat dan kandungan kerangka
- (4) Pembangunan dan peningkatan infrastruktur rangkaian, keselamatan akses dan *redundancy* untuk *National Hydraulic Data Repository Center*
- (5) Pembangunan Infrastruktur bagi storan dan *data backup*
- (6) Penyesuaian & rangkaian ke pusat ilmu lain

OUTPUT DAN FAEDAH YANG DIJANGKA

- (1) Pembangunan *National Hydraulic Data Repository Center* dan infrastruktur berkenaan;
- (2) Pewujudkan rangkaian komunikasi antara penyelidik-penyelidik hidraulik di Negara;
- (3) Pewujudkan platform perkongsian maklumat/ forum/ *events*/ sumber/ sumber kewangan;
- (4) Dapat menyelaraskan aktiviti *R&D* hidraulik supaya tidak ada pertindahan kerja dan fungsi;
- (5) Dapat mengurus ilmu hidraulik yang terkumpul daripada kerja-kerja *R&D*;
- (6) Memberi satu garis panduan kepada halatuju kerja *R&D* hidraulik di Negara;

JUSTIFIKASI PROGRAM/PROJEK

Dengan pelaksanaan projek ini dapat menyelaras dan mengkordinasikan aktiviti *R&D* hidraulik kebangsaan secara mapan ke arah menjana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Negara dengan menuju ke arah ekonomi yang berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan. Usaha ini dapat memperkukuhkan sistem inovasi Negara, pembangunan teknologi strategik serta penggunaan *ICT* dapat diperluaskan untuk mempertingkatkan produktiviti dan daya saing negara. Dengan projek ini dapat menyumbang ke arah peningkatan usaha *R&D* hidraulik NAHRIM.

Pembangunan *National Hydraulic Data Repository Center* ini akan menyumbang kepada usaha mempergiatkan sumbangan Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP) kepada pertumbuhan baru dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan negara.

Pengujudan *National Hydraulic Data Repository Center* adalah salah satu fungsi penubuhan NAHRIM untuk merealisasikan visi menjadi sebuah Pusat Rujukan Penyelidikan Hidraulik yang unggul.